

14 OCT 2002

DHIT-EKSPORT/I

DH INFO TECH SASAR TEMBUSI PASARAN PC LUAR NEGARA MENJELANG TAHUN DEPAN

SHAH ALAM, 14 Okt (Bernama) -- DRB-HICOM Information Technologies Sdn Bhd (DH Info Tech), sebuah anak syarikat DRB-HICOM Bhd, berhasrat untuk menembusi pasaran eksport komputer peribadi (PC) menerusi komputer keluarannya, KOMNAS Twenty20 menjelang tahun depan, kata pengerusinya, Datuk Yatina Yahaya.

"Kami sedang meninjau negara-negara membangun seperti Myanmar untuk memasarkan produk kami," katanya selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara DH Info Tech dan tujuh organisasi di sini, hari ini.

Organisasi-organisasi tersebut ialah Bank Simpanan Nasional, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa), Pos Malaysia, Telekom Sales & Services Sdn Bhd dan tiga anak syarikat DRB-HICOM yang lain iaitu Puspakom, EON Bhd dan Scott & English Electronics Sdn Bhd.

Upacara menandatangani MoU itu telah disaksikan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Saleh dan pengerusi DRB HICOM, Tan Sri Mohd Saleh Sulong.

KOMNAS telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 24 Julai, 2002.

Menurut Yatina, strategi permulaan syarikat itu ialah untuk mendekati pengguna-pengguna di seluruh dunia, khususnya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar termasuk Sabah dan Sarawak.

Rancangan yang lebih besar ialah untuk menembusi pasaran-pasaran membangun dalam jangka masa terdekat ini.

Kata Yatina, pasaran tempatan masih belum diterokai kerana rekod menunjukkan bahawa 85 peratus daripada penduduk Malaysia masih belum memiliki PC. -- BERNAMA.

TNS KTC KY NHD